

Siri jelajah pameran pendidikan UMS diteruskan sehingga April

UM 29-02-2012 26

KOTA KINABALU 28 Feb. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan meneruskan siri jelajah pameran pendidikan di daerah-daerah seluruh Sabah sehingga April ini.

Pegawai Perhubungan Awam Bahagian Korporat, Salbinus Salibun berkata, program itu yang mula dijalankan pada 23 Februari lalu diteruskan ke April berdasarkan sambutan orang ramai terutama oleh pihak sekolah.

Menurutnya, program itu dibahagikan kepada tiga zon dan dijalankan serentak secara berperingkat-pering-

kat yang bermula pukul 8.30 pagi sehingga 4 petang di sekolah-sekolah terpilih di setiap daerah.

"Pameran pertama diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pengiran Omar, Sipitang pada 23 Februari; SMK Teknik Keningau (28 Februari); SMK Tenom (29 Februari); SJK Ching Hwa Tawau (28 dan 29 Februari) dan SMK Agama Tun Sakaran Semporna (29 Februari).

"Ia kemudiannya diadakan di Sekolah Menengah (SM) Sains Lahad Datu (2 Mac); SMK Sandakan (5-6

Mac); SMK Mat Salleh Ranau (6 Mac); SMK Bukit Garam Kinabatangan (7 Mac); SMK Telupid (8 Mac); SMK Baidin Tuaran (8 Mac) dan SMK Labuan (8-9 Mac)," katanya di sini hari ini.

Menurut Salbinus, jelajah pameran itu akan bertandang ke SMK Arshad Kota Belud (20 Mac), SMK Kota Marudu (21 Mac) dan SMK Kudat (22 Mac) dengan kemuncaknya akan diadakan di Kompleks Suria Sabah pada 31 Mac dan 1 April.

Beliau berkata, pameran itu memfokuskan golongan pelajar dan memberi

mereka informasi mengenai peluang pendidikan tinggi dan kemudahan-kemudahan yang ditawarkan di UMS.

Selain itu, katanya, ia juga bagi mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan ke institut pengajian tinggi awam melalui aplikasi dalam talian.

Sehubungan itu, orang ramai khususnya para pelajar dan ibu bapa dijemput hadir bagi menjayakan lagi program berkenaan.